

# UMS menang 5 emas, 4 perak, 4 gangsa


## ►Fasa 1 Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia 2019

Oleh VITALIS G  
BINGKASAN

UB 31.7.2019 A 11  
KOTA KINABALU:  
Universiti Malaysia  
Sabah(UMS)merangkul  
5 pingat emas, 4 perak  
dan 4 gangsa pada

Fathin Faqihah Mohd Yusof menerusi acara 200m dan 400m.

Pingat emas dari taekwondo puladimenangi menerusi acara poomsae berpasukan lelaki yang dianggotai Abner



PASUKAN poomsae lelaki UMS menang emas.

Fasa 1 Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti-Universiti Malaysia (MASUM) 2019 di Universiti Malaysia Pahang (UMP), 23-28 Julai lalu.

Skuad olahraga dan taekwondo masing-masing menyumbang 2 pingat emas manakala 1 lagi dimenangi pasukan bola keranjang wanita.

Kedua-dua pingat emas olahraga dimenangi pelajar Fakulti Pendidikan Dan Pembangunan Sosial,



KONTINJEN UMS semasa Majlis Penyerahan Bendera oleh Pengarah Pusat Sukan UMS Ahmadi Nurdin.

Janius, Darmendran Amaranhairan dan Vister Joren serta poomsae berpasukan wanita (Dayang Nurfarhana Datu Al Rashid, Janet Lim Yen Yi, Nur Ifa Husna



PASUKAN bola keranjang wanita UMS menang emas.

Saiful).

Pasukan poomsae wanita adalah penyumbang emas pertama UMS.

Pasukan bola keranjang wanita yang menyumbangkan pingat emas pula ditariki Long Wan Lin, Liong Kum Peik, Chin Yee Toing,

Woo Siew Yin dan Sophia Yong Chiu Hung.

Pingat perak dimenangi Nur Ifa (poomsae individu wanita), Bryneth Alarick Larry (lontar peluru lelaki), Chua Sheng Yuan (taekwondo - welter weight lelaki) dan Eileen Wong Ei Ling (taekwondo - welter weight wanita).

Posuk UMS dalam kenyataan memberitahu bahawa UMS menghantar kontinjen dengan kekuatan 46 peserta termasuk atlet, pegawai dan jurulatih pada



PEMENANG pingat emas pertama, pasukan poomsae wanita.



KONTINJEN UMS ke Karnival Sukan MASUM 2019 di UMP.



PENYUMBANG dua pingat emas individu, Fathin (tengah) bersama pemenang pingat perak dan gangsa semasa majlis penyampaian hadiah.

Fedalliah Clarita Jaimin), Jatifah Jasikin dan Vivi Anah Jasni).

Pingat gangsa dimenangi Paul Kenneth Tay (lontar peluru lelaki), JI Fedalliah (lompat jauh), Jatifah (lompat kijang wanita) dan Eileen Wong Ei Ling (taekwondo - welter weight wanita).

kejohanan melibatkan dua fasa itu. Mereka mensasarkan 7 pingat emas.

UMS hanya mengambil bahagian tujuh daripada 20 sukan yang dipertandingkan di mana lima daripadanya disertai dalam Fasa 1 iaitu olahraga, taekwondo, bolakeranjang wanita, petanque dan tenpin boling.

Dua sukan lagi iaitu silat dan memanah disertai dalam Fasa 2 yang berlangsung di venue sama pada 29 Julai hingga 4 Ogos.

Pencapaian pada Fasa 1 meletakkan UMS di kedudukan ketujuh di kalangan 20 universiti yang mengambil bahagian.

Enam pasukan di atas UMS didahului UiTM dengan 47 emas, 17 perak dan 24 gangsa (47e, 17p, 24g), diikuti UPM (34e, 33p, 18g), UPSI (10e, 12p, 21g), USM (9e, 16p, 14g), UM (8e, 13p, 20g) dan UMP (8e, 4p, 9g).